

Liong Sik temui Perdana Menteri

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, enggan mengulas mengenai pertemuannya dengan Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, tetapi menyokong cadangan supaya uarti terbesar bangsa Cina itu mendokong agenda 'aman dan stabil'.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditemui selepas majlis pelancaran rasmi perkhidmatan keretapi Ekspres KLIA di KL Sentral, malam tadi.

Dr Ling menemui Dr Mahathir di pejabatnya di Putrajaya, pagi semalam, bagi berhubung masalah dalaman parti itu yang boleh mem-

cahbelahkan parti komponen kedua terbesar dalam Barisan Nasional (BN).

Beliau berkata, pertemuan yang bermula pada 11.30 pagi itu berlangsung selama sejam di Pejabat Perdana Menteri, di sini.

"Ya, saya menemui Perdana Menteri pagi ini, ia pertemuan yang baik," kata beliau semasa dihubungi Bernama. Dalam pertemuan itu Dr Ling diiringi dua naib presiden parti iaitu Datuk Seri Ong Ka Ting dan Datuk Dr Fong Chan Onn.

Bagaimanapun, beliau tidak mahu menyatakan sama ada Perdana Menteri ada menawarkan jalan penyelesaian kepada pergolakan MCA

yang sudah berlarutan untuk agak lama.

Pertemuan itu adalah susulan kepada kenyataan Perdana Menteri yang juga pengerusi BN, kelmarin bahawa beliau akan bertemu pemimpin-pemimpin MCA untuk membantu mengatasi perbezaan pendapat antara dua puak bertelagah dalam parti itu, yang dikenali sebagai Team A dan Team B, yang masing-masing diketuai oleh Dr Ling dan timbalannya, Datuk Lim Ah Lek.

Dr Mahathir juga telah berkata beliau percaya yang Dr Ling dan Lim boleh menyelesaikan masalah mereka di meja rundingan.